

# TINJAUAN INSIDEN-INSIDEN KES SERANGAN KE ATAS BANGUNAN- BANGUNAN BALAI POLIS DIRAJA MALAYSIA – PENCEROBOHAN KE ATAS BANGUNAN KESELAMATAN

Zahardi Zaharin<sup>1</sup>, \*Jestin Nordin<sup>2</sup>, Mohd Najib Mohd Salleh<sup>3</sup>,  
& Muna Hanim Abdul Samad<sup>4</sup>

**\*Corresponding Author**

<sup>1</sup>Bahagian Reka Bentuk Fasiliti Keselamatan, Cawangan Arkitek,  
Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Kuala Lumpur

<sup>1,2,3,4</sup> Program Seni Bina, Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan, &  
Perancangan, Universiti Sains Malaysia,  
Pulau Pinang, Malaysia

zahardi.zaharin@gmail.com, \*jestin.nordin@usm.my,  
najib@usm.my, & mhanim@usm.my

Received: 17 January 2022

Accepted: 12 February 2022

Published: 31 August 2022

## ABSTRAK

*Menyedari kepentingan pasukan polis dalam membantu mewujudkan situasi terkawal, dan selamat, bagi melindungi ketenteraman dan kesejahteraan awam, maka bangunan-bangunan balai polis dibina (di seluruh dunia) bertujuan menempatkan pusat operasi dan pentadbiran pasukan, dan Malaysia tidak terkecuali. Namun, seiring dengan peningkatan cabaran ancaman jenayah moden yang semakin canggih dan terancang, persoalan timbul sama ada reka bentuk balai-balai polis di Malaysia masih mampu berfungsi sebagai sebuah bangunan keselamatan yang sepatutnya 'kebal' dari ancaman pencerobohan keselamatan berdasarkan Arahan Keselamatan? Berdasarkan sejarah, Malaysia merakamkan beberapa insiden berdarah apabila beberapa balai polis diserang pihak penganas komunis, pelampau, serta insiden kecuaiian dan salah laku anggota dan pegawai yang mampu membuka peluang pencerobohan keselamatan ke atas balai-balai polis Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang terlibat. Kertas kerja ini mengumpul dan membina kronologi insiden-insiden pencerobohan keselamatan yang berlaku ke atas balai-balai polis PDRM bertujuan sebagai*



*rujukan silang bagi mengenal pasti sela masa, jenis serangan, penyerang, dan akibat terhadap bangunan, supaya tindakan pencegahan boleh dirangka bagi mencegah risiko ancaman pencerobohan keselamatan balai polis pada masa hadapan. Kronologi insiden pencerobohan keselamatan ke atas balai-balai polis PDRM ini didapatkan melalui proses semakan laman sesawang rasmi PDRM, dokumentari, laporan akhbar, liputan berita televisyen, media massa, dan laman sesawang peminat sejarah, serta temuramah ke atas anggota dan bekas anggota PDRM. Dapatan awal kajian mendapati bahawa insiden-insiden serangan pencerobohan keselamatan di beberapa balai polis PDRM ini adalah dalam kategori kemusnahan total dan mematikan (berlaku pada tahun-tahun Darurat di Malaya). Walau bagaimanapun hanya kejadian berskala kecil dilaporkan selepas Darurat, namun, kejadian tersebut tidak sepatutnya berlaku ke atas sebuah bangunan keselamatan.*

## ABSTRACT

*Recognizing the importance of the police force in helping to create a controlled, and safe situation, to protect public order and well-being, police station buildings were built (around the world) to house the police force's operations and administrative centers, and Malaysia is no exception. However, in line with the increasing challenges of modern crime threats that are increasingly sophisticated and organized, the question arises whether the design of police stations in Malaysia can still function as a security building that should be 'immune' from the threat of security intrusion based on the 'Arahan Keselamatan'? Based on history, Malaysia has recorded several fatal incidents when several police stations were attacked by communist terrorists, extremists, as well as incidents of negligence and misconduct by the PDRM's staff who could result in easy opportunities for security intrusions on the police stations involved. This paper collects and constructs a chronology of security intrusion incidents involving the PDRM's police stations for cross-reference to identify time intervals, types of attacks, attackers, and consequences on buildings and the staff so that preventive measures can be devised to prevent the risk of intrusion and security breaching in the future. The chronology of security intrusion incidents on PDRM police stations was obtained through a review of PDRM official websites, documentaries, press reports, television news coverage, mass media, and history fan websites, as well as interviews with PDRM's*

*current and former staff. Preliminary findings of the study found that the incidents of security intrusion attacks at several PDRM police stations were in the category of totally destructive and deadly (occurred in the years of the Malayan Emergency), though only in smaller-scale incidents were reported after the Emergency period, however, such incidents should not be allowed to occur over a security building.*

© 2022MySE, FSPU, UiTM Perak, All rights reserved

**Keywords:** *Bangunan Keselamatan, Balai Polis, Serangan Balai Polis, PDRM, Pencerobohan Keselamatan*

## **KEPENTINGAN BANGUNAN KESELAMATAN: BALAI POLIS**

Kewujudan sesebuah balai polis sebagai membantu menyediakan pusat pentadbiran dan operasi sesebuah pasukan polis dalam melaksanakan proses melindungi kepentingan masyarakat awam tidak dapat disangkal. Pasukan polis bertanggungjawab membantu mengekalkan keamanan, kesejahteraan, dan keselamatan awam melalui proses penguatkuasaan undang-undang (Banton, Whetstone, Kelling, Walsh, & Brodeur, 2020, & PDRM, 2016)

Tinjauan dan pemerhatian awalan dibuat ke atas fizikal beberapa balai polis PDRM sedia ada (terutamanya yang dibina sebelum Kemerdekaan Tanah Melayu, 1957) ternyata bahawa kebanyakan balai-balai ini memerlukan perubahan atau pembaharuan dalam pelbagai sudut, terutama berkaitan faktor kawalan keselamatan bangunan keselamatan itu sendiri daripada pencerobohan keselamatan seperti serangan dari unsur luar dan dalam sesuai dengan pengenalan Dasar Keselamatan Negara 2021-2025 (NASTRAC, 2021). Tidak dinafikan, terdapat usaha oleh pihak- pihak di Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan PDRM untuk ‘memperbaharu fizikal’ bangunan-bangunan balai dengan cara mengecat semula bangunan bertujuan mencantik luaran, namun, kefungsi keseluruhan bangunan-bangunan keselamatan ini dari segi susunatur ruangan, sirkulasi, dan elemen bantuan keselamatan fizikal yang lain masih perlu ditingkatkan.

Melalui bajet tahunan negara untuk sektor keselamatan awam dan agensi keselamatan seperti PDRM, hampir RM400 juta setahun diluluskan. Oleh kerana peruntukan besar yang disediakan, maka kajian berkala dan berterusan adalah diperlukan bagi memastikan bangunan-bangunan balai polis (terdahulu, mahupun terbaharu) dibina lengkap memenuhi keperluan sesebuah bangunan keselamatan yang sepatutnya dapat dioperasikan mengikut 'standard operation procedures' (SOP) yang telah ditetapkan oleh pasukan PDRM (Zaharin, Nordin, & Mohmad Shukri, 2019) agar dapat beroperasi dengan lebih berkesan.

Untuk makluman, kertas kerja ini adalah sebahagian daripada projek utama kajian mengenalpasti dan membentuk senarai keperluan reka bentuk sebenar sesebuah balai polis PDRM dengan menilai tahap kerelevanan sesebuah balai polis semasa dalam melaksanakan tugas sebagai elemen keselamatan awam di Malaysia.

Persoalan awal projek kajian utama adalah berkenaan kemampuan bangunan balai- balai polis PDRM sedia ada untuk berfungsi secara optimum sebagai sebuah bangunan keselamatan berdasarkan konteks keperluan SOP, dan cabaran ancaman pencerobohan keselamatan sejagat semasa tercetus apabila tinjauan dan lawatan ke bangunan-bangunan ini dibuat oleh penulis pertama semasa dipinjamkan bertugas sebagai arkitek di KDN untuk melaksanakan projek-projek reka bentuk dan pembinaan fasiliti keselamatan. Dapatan awalan menunjukkan wujudnya jurang di dalam keperluan operasi dan pentadbiran sesebuah balai polis terdahulu, dibandingkan dengan keperluan balai polis masa kini.

Sejajar dengan kepentingan nasional, kertas kajian ini berusaha untuk menyediakan senarai secara kronologi insiden-insiden pencerobohan keselamatan yang pernah berlaku ke atas bangunan-bangunan balai PDRM bermula seawal tahun 1949, sehinggalah kepada yang terbaharu pada tahun 2021. Kronologi insiden-insiden pencerobohan keselamatan ini didokumenkan bertujuan menjadi rekod bertulis yang boleh dirujuk kemudian bagi sebarang tujuan berkaitan menjadikan bangunan keselamatan ini lebih 'kebal'. Kekebalan sesebuah bangunan balai polis mampu meningkatkan keberkesanan anggota-anggota PDRM menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan lebih baik.

## **Skop dan Limitasi Kajian**

Walaupun kajian ini mendapat kebenaran daripada pihak KDN dan PDRM, namun terdapat beberapa kategori maklumat yang diklasifikasikan sebagai TERPERINGKAT dan SULIT, justeru ia dikategorikan sebagai RAHSIA di bawah peruntukan (Akta Rahsia Rasmi, 1972). Maklumat-maklumat tersebut tidak dilaporkan di dalam kertas kerja ini atas dasar keselamatan dan kerahsiaan negara. Kebanyakan maklumat dicatat di dalam kertas kerja ini hanya terhad diperolehi melalui sumber laman-laman sesawang KDN, PDRM, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (PKPKM), dan sesawang Unit Perancang Ekonomi (UPE) sahaja. Kertas kajian ini juga hanya melibatkan insiden-insiden pencerobohan keselamatan yang berlaku bermula dari tahun 1949 hingga ke tarikh masa kertas kerja ini ditulis sahaja.

## **SOROTAN LITERATUR: PEWUJUDAN SESEBUAH BALAI POLIS**

### **Definisi ‘Keselamatan’ dan Kepentingannya**

Kamus Dewan (2017) mendefinisikan perkataan keselamatan sebagai sesuatu perihal selamat, sejahtera atau keamanan (Dewan Pustaka, 2017), dan ia dipersetujui oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (PKPKK) yang menggariskan keselamatan sebagai “keadaan terlindungi daripada masalah fizikal, sosial, kewangan, politik, perasaan, psikologi, pekerjaan dan perkara lain yang melibatkan kerosakan atau kejadian yang tidak diingini (KPKK, 2006)”. Selain itu, kamus Cambridge Dictionary (2021) mendefinisikan perkataan keselamatan sebagai keadaan terlindungi atau perlindungan kepada orang, bangunan, organisasi, atau sesebuah negara daripada sebarang anasir ancaman seperti jenayah, atau serangan oleh anasir luar.

Dalam pembangunan sesebuah balai polis, konsep keselamatan ini sangat berkait rapat dengan keperluan ‘terlindungi’ balai tersebut sebagai sebuah bangunan keselamatan yang perlu senantiasa berupaya ‘kebal’ daripada diceroboh sistem pertahanan keselamatannya. Pada masa sama,

bangunan tersebut perlu direka bentuk mematuhi segala SOP kerja pasukan. Contohnya, setor senjata api di balai polis wajib berada di dalam keadaan terlindungi bagi mengurangkan risiko kemudaratan kemalangan bahan letupan atau peluru yang mampu mengakibatkan kematian, kecederaan, atau kacau ganggu terhadap anggota dan kakitangan PDRM semasa bertugas di setor simpanan senjata (KDN, 2010). Setor senjata juga perlu terlindungi daripada pencerobohan keselamatan seperti, kecurian senjata, dan sabotaj yang boleh berlaku.

### **Definisi bangunan keselamatan**

Berdasarkan Unit Perancang Ekonomi (2015), terdapat tiga komponen penting di dalam pembangunan sesebuah bangunan keselamatan iaitu (i) komponen pentadbiran, (ii) komponen sokongan, operasi, dan setor, dan (iii) komponen kemudahan fasiliti-fasiliti lain seperti lapang kawad, kuarters transit sementara, dan pagar keselamatan. Namun, setiap komponen ini mempunyai tahap keperluan keselamatan terlindungi yang berbeza-beza, contohnya, bangunan-bangunan di dalam zon pentadbiran disediakan ruangan bekerja sebagai mana bangunan pejabat biasa beroperasi. Sebaliknya, keperluan SOP dan keselamatan di Cawangan Pengangkutan PDRM adalah lebih tegas daripada SOP keselamatan di komponen pentadbiran, tetapi adalah lebih longgar apabila dibandingkan dengan SOP keselamatan di setor Cawangan Persenjataan PDRM yang sangat ketat kerana melibatkan pembekalan senjata dan bahan letupan.

Keperluan reka bentuk sesebuah bangunan keselamatan ini sebenarnya agak rumit, bukan sahaja disebabkan faktor keperluan keselamatan semata-mata malahan disebabkan kompleksiti operasi sesebuah balai polis yang berbeza-beza berdasarkan kepada saiz kemudahan bangunan, jenis keperluan, peruntukan kewangan, dan juga lokasi cadangan pembangunan balai polis tersebut (UPE, 2015). Selain itu, reka bentuk pembangunan balai polis juga perlu patuh kepada kepada: keperluan Akta 298 (Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan, 1959), dan Arahan Keselamatan (Pejabat KPKK, 2006).

## **Akta 298 (Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959)**

Akta 298 mewartakan bahawa kawasan larangan adalah mana-mana sahaja kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan larangan mengikut peruntukan- peruntukan seperti (i) kawasan dimana pelawat perlu mematuhi peraturan tertentu apabila melaksanakan sebarang urusan rasmi; (ii) kawasan dimana pegawai berkuasa adalah berkuasa mengawal selia tingkah laku, memeriksa, ataupun menahan pelawat yang memasuki kawasan tersebut bagi tujuan pemeriksaan; dan (iii) kawasan di mana sekiranya pelawat tidak mematuhi peraturan tertentu dan arahan pegawai penguasa, dia boleh dikeluarkan dari kawasan tersebut oleh pegawai berkuasa (KPKK, 2001) yang dilantik bertugas memantau operasi sesebuah kawasan larangan dan tempat larangan ini.

## **Arahan Keselamatan (2006)**

Arahan Keselamatan (2006) digubal bagi memastikan keselamatan fizikal bangunan, premis atau tempat yang digunakan bagi menguruskan perkara- perkara terperingkat dan sensitif (KPKK, 2006). Arahan Keselamatan 2006 diwujudkan bertujuan:

- (i) menjamin keselamatan fizikal bangunan-bangunan keselamatan;
- (ii) menggariskan keperluan langkah-langkah keselamatan fizikal kepada sesebuah bangunan keselamatan; dan
- (iii) menggariskan kaedah tindakan, serta langkah-langkah keselamatan untuk menjamin dan memastikan kelancaran serta keselamatan operasi seharian kakitangan dan pelawat yang berurusan dalam bangunan keselamatan.

Kehendak Arahan Keselamatan perlu dipatuhi bagi mewujudkan elemen mencegah, melambat, mengesan, dan tindakan - bertujuan melindungi bangunan keselamatan agar senantiasa berada di dalam keadaan selamat untuk mampu beroperasi secara optimum.

## **Insiden Pencerobohan Keselamatan Balai-balai Polis di Malaysia**

Tragedi runtuhannya bangunan berkembar World Trade Centre di New York, Amerika Syarikat pada 11 September 2001, telah membuka mata banyak pihak terutamanya agensi-agensi keselamatan dalam dan luar negara.

Pelbagai dasar berhubung keselamatan mula digubal, termasuklah keperluan memastikan kecekapan bangunan-bangunan keselamatan dipertingkatkan (Coaffee & Fussey, 2015). Andrew Millie (2012) menegaskan bahawa balai polis perlu mengikuti dasar-dasar keselamatan yang telah ditentukan, juga perlulah menyediakan persekitaran kerja yang kondusif supaya anggota polis mampu melaksanakan tugas mereka dengan optimum. Jadi, tidak keberatan jika disimpulkan bahawa kecekapan perkhidmatan sesebuah pasukan polis itu turut berkait rapat dengan kecekapan reka bentuk sesebuah bangunan balai polis, namun, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat terlalu banyak aspek penting lain yang turut menyumbang kepada kebocoran keselamatan seterusnya mengakibatkan pencerobohan keselamatan ke atas bangunan-bangunan balai polis di seluruh dunia, dan Malaysia tidak terkecuali.

Berdasarkan laporan berita dan arkib, telah berlaku beberapa insiden pencerobohan keselamatan balai-balai polis di Malaysia yang bermula selepas Perang Dunia Kedua iaitu semasa darurat di Tanah Melayu. Insiden-insiden ini merupakan bahan rujukan penting yang perlu diteliti kerana ia boleh dijadikan justifikasi kepada sebarang cadangan bagi menambah tahap kecekapan sesebuah bangunan balai polis dalam menangani ancaman keselamatan yang semakin canggih. Insiden-insiden yang dilaporkan di dalam kertas kerja ini juga adalah insiden yang mendapat liputan awam bermula serangan ke atas Balai Polis Kuala Krau (1949 & 1950, di Pahang), Balai Polis Bukit Kepong (1950, di Johor), sehinggalah kepada kejadian pembunuhan anggota PDRM di dalam kawasan sebuah balai polis di Lembah Klang.

### **Serangan ke Atas Balai-balai Polis**

Sebuah serangan besar-besaran melibatkan lebih kurang 180-200 penganas Parti Komunis Malaya (PKM) ke atas bangunan balai Balai Polis Bukit Kepong, Johor pada 23 Februari 1950. Penganas telah membunuh hampir kesemua anggota polis yang bertugas pada masa kejadian (PDRM, 2016), termasuk turut membunuh beberapa orang isteri dan anak anggota polis dalam insiden ini.

Menurut kajian Dr Azhar Wahid (bermula pada tahun 2003) dan pasukannya dari Universiti Pendidikan Sultan Idris, sebelum berlakunya serangan besar-besaran ke atas Balai Polis Bukit Kepong, penganas PKM



telah menyerang Balai Polis Kuala Krau di Temerloh, Pahang sebanyak dua kali, bermula pada 26 Jun 1948, dan serangan kedua pada 11 September 1949. Dalam kejadian serangan ini sebilangan anggota polis dan isteri anggota yang sedang hamil turut terkorban, namun tidak seramai korban di Bukit Kepong (mStar, 2021).

Terjadi beberapa lagi insiden serangan ke atas balai-balai polis selepas tragedi di Kuala Krau dan Bukit Kepong. Sumber dari akhbar, laman web, dan individu melaporkan insiden serangan bersenjata ke atas Balai Polis Batu Pahat, Johor (16 Oktober, 1980) (Ishak, 2021), Balai Polis Guar Chempedak, Kedah (2001) (mStar, 2015), Balai Polis Kubang Semang (2004), dan IPD Kuala Muda (2017). Insiden-insiden serangan ini bukan lagi dari ancaman PKM, sebaliknya datang dari individu berkepentingan peribadi, seperti pengikut-pengikut kumpulan keganasan antarabangsa, dan juga pengikut ajaran sesat.

Kejadian serangan paling baharu berlaku ke atas seorang anggota polis yang sedang bertugas di Balai Polis Pinggiran Subang pada tahun 2017. Anggota terkorban apabila ditetak di kepala dan ditembak di bahagian belakang badan semasa sedang bertugas di dalam perkarangan bangunan balai polis (Mat Ruzki, 2017 & Astro Awani, 2017). Walaupun serangan-serangan ini bolehlah dikatakan kecil bilangannya, tetapi besar impaknya terhadap gambaran kawalan tahap keselamatan sesebuah balai polis itu sebagai bangunan keselamatan.

### **Pencerobohan kedaulatan negara di Lahad Datu, Sabah**

Peristiwa pencerobohan kedaulatan negara pada 12 Februari 2013 di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah sebenarnya telah menguji tahap kecekapan dan keefisienan gerak atur pasukan keselamatan Malaysia. Bermula setelah rundingan di antara PDRM dengan pasukan penceroboh yang gagal mencapai kata sepakat, ia berlarutan menjadi konflik bersenjata. Pasukan penceroboh bersenjata yang juga merupakan rakyat Filipina telah menuntut penyerahan sebahagian wilayah utara Sabah sebagai wilayah yang pernah diperintah Kesultanan Sulu pada suatu masa dahulu (ESSCOM Times, 2021). Pencerobohan ini telah mengganggu gugat keselamatan dan ketenteraman dalam negara, malah turut memberi kesan kepada hubungan dua hala Malaysia dan Filipina memandangkan pencerobohan tersebut dibuat oleh rakyat Filipina (Othman, Omar, Jabar, & Idris, 2016).

Bertindak balas terhadap serangan pencerobohan itu, pihak berkuasa Malaysia mengambil langkah mengetatkan kawalan keselamatan di wilayah Sabah demi mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara dengan menubuhkan pasukan khas mengawal Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) bermula 1 April 2013 (ESSCOM Times, 2021).

Insiden pencerobohan bersenjata di Tanduo yang telah mengorbankan 8 orang pegawai dan anggota PDRM, serta seorang anggota tentera ini sepatutnya dilihat sebagai seriusnya tahap kecekapan sistem dan asset pertahanan keselamatan Malaysia perlu diperhalusi. Di samping keperluan perhubungan diplomatik yang baik dengan negara tetangga, isu Tanduo ini juga seharusnya menjadi titik tolak kesempatan pihak PDRM menaik taraf dan menambah cekap fasiliti dan bangunan keselamatan di kawasan-kawasan berisiko pencerobohan keselamatan terutamanya di kawasan-kawasan strategik pertahanan ESSCOM seperti di Pulau Bum-Bum, Pulau Mabul, Pulau Gaya, dan Pulau Banggi, Kenchana, Tambisan, Cenderawasih, dan Felda Sahabat, Sabah (Othman, Omar, Jabar & Idris, 2016).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Rekod-rekod insiden pencerobohan keselamatan ke atas balai-balai polis PDRM ini dilakukan melalui proses semakan di laman sesawang rasmi Polis DiRaja Malaysia, dokumentari, laporan akhbar, liputan berita televisyen, media massa, dan laman- laman sesawang pengkaji sejarah kepolisian. Temu ramah melibatkan seramai 20 orang pegawai, anggota, dan bekas pegawai dan anggota PDRM turut dilaksanakan terutama bagi mendapatkan maklumat dan penerangan yang tidak dilapor atau didokumentasi untuk bacaan dan rujukan awam. Walau bagaimanapun, hanya maklumat bukan dari kategori Terperingkat & Sulit sahaja dilaporkan di dalam kertas kerja ini.

## **DAPATAN: ANCAMAN PENCEROBOHAN KESELAMATAN KE ATAS BALAI-BALAI POLIS PDRM**

Walaupun pihak berkuasa Malaysia ada mempraktikkan saringan keselamatan ke atas setiap individu yang ingin berurusan dengan mana-mana jabatan kerajaan terutama yang berkait dengan kerahsiaan dan keselamatan

negara, namun kebocoran masih boleh berlaku disebabkan faktor-faktor yang sangat rumit. Saringan keselamatan diperlukan bertujuan menjadi halangan pertama sebelum sebarang usaha pencerobohan keselamatan boleh berlaku.

Dalam bahagian ini, jenis-jenis ancaman pencerobohan keselamatan ke atas bangunan balai polis PDRM diperjelaskan. Perbuatan-perbuatan ini termasuklah ancaman pelampau, sabotaj, kelemahan manusia, tekanan hidup dan/atau tekanan tugas anggota, espionaj, subversif, hinggalah kepada jenayah siber. Anasir pencerobohan keselamatan ini wajib ditangani awal kerana sebarang ketirisan mampu menghancurkan kekebalan sesebuah sistem terlindungi keselamatan sesebuah bangunan keselamatan.

Diperjelaskan di perenggan-perenggan seterusnya adalah tujuh jenis ancaman pencerobohan keselamatan yang pernah dialami (setakat yang dilaporkan, dan diketahui pihak awam Malaysia), dan juga yang boleh dialami oleh pihak PDRM:

#### **(i)Ancaman pelampau**

Darurat terpaksa diisytiharkan bagi membolehkan pihak berkuasa bertindak dengan lebih segera menetralkan ancaman sekiranya mana-mana pihak pelampau menggunakan keganasan dan aktiviti militan sehingga boleh menyebabkan suasana peperangan. Salah satu ancaman pelampau yang pernah dihadapi di Malaysia adalah semasa menghadapi ancaman dari Parti Komunis Malaya yang berperang secara gerila dengan pihak keselamatan Malaysia semenjak 1940an, sehinggalah PKM menyerah diri pada tahun 1989.

Pada sekitar Februari, tahun 2001, Malaysia turut menghadapi ancaman kumpulan berhaluan kiri yang bertindak menyokong perjuangan kumpulan IS atau Daesh di Afghanistan. 17 daripada ahli kumpulan ini telah bertindak menyerang Balai Polis Guar Chempedak, di Yan, Kedah bertujuan merompak senjata api dari balai tersebut. Kumpulan ini juga merancang untuk merompak bank dan kem tentera bagi mengumpul dana dan juga senjata api. Walau bagaimanapun, kumpulan ini berjaya diberkas oleh pasukan Bahagian Counter Terrorism Cawangan Khas (BERNAMA, 2015).

#### **(ii)Sabotaj**

Menurut KPKK (2006), perbuatan sabotaj bermaksud suatu perbuatan yang mendatangkan kerosakan fizikal untuk kepentingan sesebuah kumpulan pesaing, bertujuan mencapai suatu matlamat politik yang subversif. Bahayanya insiden sabotaj adalah ia boleh berlaku pada sebarang masa termasuk semasa keadaan aman (KPKK, 2006).

Perbuatan sabotaj tidak tertakluk kepada melakukan kerosakan fizikal semata-mata, tetapi turut melibatkan moral anggota pasukan. Di antara contoh perbuatan sabotaj moral pasukan yang pernah terjadi di sebuah balai polis PDRM dalam Daerah Klang, berlaku pada 20 Julai, 2021 apabila seorang pegawai berpangkat Sub-Inspektor bersama dua lagi anggota berpangkat Koperal dan seorang Lans Koperal ditangkap semasa berkelakuan tidak senonoh dengan asyik berhibur bersama empat orang wanita awam, meminum arak dan ketum, dan menyimpan gambar lucah di dalam balai tersebut ketika diserbu (Fazlul Haque, 2021). Perlakuan mensabotaj imej pasukan PDRM berlaku apabila media-media tempatan melaporkan ia sebagai 'balai disko' dalam akhbar dan media massa. Perbuatan tidak bermoral ini bukan sahaja mencemarkan maruah dan imej PDRM, malah ia boleh mendatangkan bahaya kepada balai polis tersebut sekiranya diserang atau terdapat cubaan melumpuhkan sistem keselamatan balai pada ketika berlakunya kebocoran keselamatan itu.

### **(iii) Tekanan hidup dan/atau tekanan tugas anggota PDRM**

Ditambah dengan tekanan hidup di luar tugas, seseorang anggota PDRM itu bertambah tertekan apabila mereka turut menghadapi isu agihan bebanan kerja di balai masing-masing (Borian, 2014 & Baker & Ibrahim (tahun penerbitan tidak dinyatakan)) serta kebanyakan anggota PDRM secara konsisten bertugas dalam keadaan tertekan dan berbahaya (Tun Hamzah & Khoo, 2011). Antara contoh bebanan kerja yang sering dihadapi anggota PDRM adalah keperluan anggota untuk bersedia terlibat menyertai sebarang tugas atau operasi pada luar waktu bertugas (Nasaruddin & Faiz, 2011). Dipercayai akibat terkesan dengan tekanan hidup, terdapat segelintir kes dilaporkan berkaitan anggota PDRM yang bertindak membunuh diri. Dalam sebuah kes pada 2017 di Kelantan, seorang pegawai berpangkat inspektor membunuh diri di dalam pejabat, di balai beliau bertugas (IPD Pasir Puteh, Kelantan) (Razali, 2017). Turut menjadi pertikaian adalah kematian pegawai ini hanya disedari pada jam 9 pagi, sedangkan terdapat rakan sejawat yang memaklumkan terdengar bunyi tembakan pistol pada

sekitar jam 5 pagi hari kejadian. Perkara sebegini menimbulkan persoalan berkenaan keberkesanan elemen kawalan keselamatan semasa diguna pakai di balai polis di Malaysia secara keseluruhannya.

#### **(iv)Kelemahan manusia**

Perasaan bangga apabila menerima pujian atau kata-kata yang menyenangkan adalah salah satu sifat semulajadi manusia. Jadi, keinginan untuk sentiasa disebut-sebut mencipta ruang untuk menunjuk-nunjuk akan kemampuan seseorang anggota berurusan melibatkan perkara terperinci dan sulit. Sekiranya anggota tersebut cuai, maka besar kemungkinan berlakunya ketirisan maklumat terperinci dan sulit kepada pihak yang tidak sepatutnya sehingga membuka ruang ancaman terhadap keselamatan sesebuah organisasi (KPKK, 2006).

Cara-cara maklumat terperinci dan sulit mampu terbocor kepada khalayak adalah apabila (i) perlakuan anggota PDRM dengan tidak cermat telah berkongsi maklumat terperinci dengan saudara-mara atau teman rapat di media sosial; (ii) anggota PDRM yang bermasalah ketagihan alkohol atau penyalahgunaan dadah, serta (iii) anggota PDRM yang terjebak menjadi sasaran pemerasan oleh pihak-pihak berkepentingan seperti keberhutangan yang serius, terlibat aktiviti seksual luar nikah, pengambilan rasuah, serta mengamalkan gaya hidup tidak bermoral. Maka, sebagai seorang anggota PDRM, seseorang anggota itu perlulah berhati-hati apabila bercakap, semasa menggunakan media sosial, dan sedaya upaya membendung keinginan untuk menjadi terkenal secara tidak sepatutnya sehingga menggugat keselamatan organisasi tempat bertugas.

#### **(v)Espionaj**

Espionaj adalah usaha menyalahi undang-undang untuk memperolehi bahan- bahan dan maklumat terperinci atau sulit secara tersembunyi bertujuan memudaratkan keselamatan atau kepentingan sesebuah negara meliputi politik, ekonomi, sosial, saintifik, industri, ketenteraan, dan juga sektor perdagangan (KPKK, 2006). Perbuatan espionaj biasanya melibatkan ‘ejen’ yang mencuba, atau telahpun berjaya menyusup masuk sebagai ‘orang dalam’ di dalam sesebuah organisasi. ‘Ejen’ terlibat espionaj mampu mengakses kekebalan sistem pertahanan keselamatan menggunakan kecanggihan sistem teknologi komunikasi berkomputer; internet dan intranet; radar; menggodam sistem komputer; mencuri dengar perbualan

telefon, menggunakan alat-alat pendengaran, dan merakam maklumat diperlukan organisasi lawan. Contoh kejadian espionaj terkenal di Malaysia terjadi pada tahun 1981, apabila Setiausaha Sulit kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Siddiq Mohamad Ghouse, ditangkap pihak berkuasa atas tuduhan menjadi perisik bagi pihak Kesatuan Soviet untuk mendapatkan maklumat rahsia Malaysia (Salleh, 2021).

### **(vi)Subversif**

Subversif adalah suatu gerakan percubaan pemberontakan dari dalam organisasi sendiri. Subversif mampu melemah atau meroboh struktur kawalan sesebuah organisasi terutama yang melibatkan sistem pertahanan keselamatan sesebuah negara. Walaupun gerakan subversif mampu memberi ancaman keselamatan, namun biasanya perbuatan ini dikatakan tidak akan sampai kepada berlakunya peperangan yang boleh membawa kepada penghapusan suasana ketenteraman sesebuah negara (KPKK, 2006). Di antara contoh gerakan subversif termasuklah sebarang gerakan pemisahan (Pusat Strategi Keselamatan Negara, 2021) di dalam sesebuah negara dan sebagainya.

### **(vii)Jenayah siber**

Jenayah siber merujuk kepada perlakuan jenayah yang berkaitan dengan teknologi dan komputer yang dihubungkan kepada internet (MAMPU, 2021). Terkini, serangan siber boleh berlaku ke atas sistem keselamatan sesebuah organisasi melalui penggodaman sistem komputer, bom e-mel, spam, penyebaran virus, penafian perkhidmatan, dan pencerobohan maya yang lain yang mampu mengakibatkan kebocoran data dan maklumat terperinci dan sulit organisasi (termasuklah PDRM) yang turut melibatkan kerugian yang besar (Ahmad Termimi, Rosele, Meerangani, Marinsah, & Ramli, 2013). Bagi menangani masalah ancaman pencerobohan secara siber, pihak PDRM boleh menggunakan khidmat Pasukan Bertindak Kecemasan Komputer Malaysia (MyCert) di bawah MIMOS Berhad. MyCert bertindak mengesan sebarang cubaan menceroboh sistem komputer serta memberikan panduan penambahbaikan sistem pertahanan keselamatan siber pelanggan (Abdul Talib & Jamaludin, 2003). Di peringkat antarabangsa pula, CERT Coordination Center (CERTCC), turut menawarkan perkhidmatan perlindungan keselamatan maklumat di internet termasuk menyimpan statistik, dan perkara-perkara yang berkaitan keselamatan sistem komputer (Abdul Talib & Jamaludin, 2003).

Jadual 1 di bawah menunjukkan kronologi beberapa kejadian serangan pencerobohan ke atas bangunan-bangunan balai polis PDRM yang berlaku bermula pada tahun 1948 sehinggalah pada tahun 2021. Jadual 1 menerangkan klasifikasi dan karakter kejadian yang menunjukkan tren serangan kebanyakannya adalah secara bersenjata, dan berkumpul dengan latar belakang pelampau fahaman politik, ataupun ajaran sesat. Hanya pada tahun-tahun 1948 hingga 1950an sahaja serangan melibatkan kerosakan besar ke atas bangunan-bangunan balai serta nyawa anggota polis, sebaliknya tiada lagi kerosakan serius dialami oleh mana-mana bangunan balai PDRM selepas daripada kejadian berdarah Balai Polis Bukit Kepong (1950).

**Jadual 1. Kronologi Kejadian Serangan Pencerobohan Keselamatan ke atas Bangunan- bangunan Balai polis PDRM sejak 1948 hingga terkini, 2021.**

Tahun insiden	Klasifikasi insiden	Nama & lokasi balai	Pelaku serangan	Implikasi insiden
---------------	---------------------	---------------------	-----------------	-------------------

17 Jun 1948	Ancaman pelampau: (serangan bersenjata api)	Balai Polis Jeram Choh, Pontian, Johor	12 anggota Parti Komunis Malaya	Kerosakan bangunan balai, dan kematian anggota polis
26 Jun 1948		Balai Polis Kuala Krau, Pahang	30 anggota Parti Komunis Malaya	Kerosakan bangunan balai, dan kematian anggota polis
07 Julai 1948		Balai Polis Gua Musang, Kelantan	300 anggota Parti Komunis Malaya	Kerosakan bangunan balai, dan kematian 1 anggota polis, 14 ditawan
09 Julai 1948		Balai Polis Langkap, Perak	Parti Komunis Malaya	Kerosakan bangunan balai, dan kematian 1 anggota polis
11 September 1949		Balai Polis Kuala Krau, Pahang	Parti Komunis Malaya	Kerosakan bangunan balai, dan kematian anggota polis
23 Februari 1950		Balai Polis Bukit Kepong, Muar, Johor	180 orang anggota Parti Komunis Malaya	Kemusnahan total bangunan balai, kematian anggota polis, ahli keluarga anggota, dan orang awam
20 November 1955		Balai Polis Kea Farm, Cameron Highlands, Pahang	100 anggota Parti Komunis Malaya	Kerosakan bangunan balai, dan kematian 2 anggota polis
16 Oktober 1980	Ancaman pelampau: (serangan bersenjata tajam)	Ibu Pejabat Polis Daerah Batu Pahat, Johor	Kumpulan ajaran sesat 'Jubah Putih'	Kecederaan anggota polis, dan orang awam
2004	Sabotaj: serangan: menggunakan objek keras dan mercun	Balai Polis Kubang Semang, Pulau Pinang	Kumpulan bermotosikal	Kerosakan kecil kepada bangunan balai polis
2017	Sabotaj:: (serangan bersenjata, bom petrol)	IPD Kuala Muda, Kedah	Ahli kongsi gelap	Kerosakan kecil kepada kawasan pagar balai polis



31 Ogos 2017	Sabotaj: (serangan ke atas anggota dalam balai polis)	Balai Polis Pinggiran Subang, Selangor	Masih dalam siasatan	Seorang anggota terkorban akibat ditikam dan ditembak semasa sedang bertugas di dalam perkarangan balai polis
20 Julai 2021	Sabotaj: (kesalahan salah laku)	Balai Polis dalam Daerah Kajang, Selangor	Seorang pegawai berpangkat Sub- Inspektor bersama 3 lagi anggota PDRM	Mensabotaj imej dan memberi impak pandangan negatif terhadap integriti pasukan PDRM dengan berkelakuan tidak senonoh bersama 4 wanita awam, mabuk, dan menyimpan gambar lucah di dalam balai
2001	Ancaman pelampau: (serangan bersenjata tajam)	Balai Polis Guar Chempedak, Kedah	17 orang dari kumpulan terpengaruh pelampau antarabangsa (Daesh/IS)	Dua anggota berpangkat Lans Koperal tercedera
2017	Tekanan hidup dan/atau tekanan tugas anggota PDRM	Ibu Pejabat Polis Daerah Pasir Puteh, Kelantan	Seorang pegawai berpangkat Inspektor	Kematian seorang pegawai PDRM
Tiada rekod diperolehi	Espionaj / Subversif / Kelemahan Anggota / Jenayah Siber	Tiada rekod diperolehi	Tiada rekod diperolehi	Tiada rekod diperolehi

Source: Author

Berdasarkan ancaman pencerobohan keselamatan terdahulu (dari 1948, hingga 1980) disenaraikan dalam Jadual 1 di atas, didapati jenis dan karakter serangan mula berubah daripada serangan secara fizikal melibatkan serangan berkumpulan bersenjata api dan lain-lain persenjataan, kepada serangan secara skala yang lebih kecil dan mampu mengakibatkan kematian

kepada anggota bertugas di dalam perkarangan balai polis.

Masih terdapat banyak lagi insiden serangan dan pencerobohan keselamatan ke atas balai polis berlaku semasa era darurat di Tanah Melayu (1948-1960). Maklumat diperolehi melalui blog hasil catatan seorang pegawai PDRM sendiri berpangkat Cif Inspektor (semasa catatan dibuat) turut merekodkan insiden-insiden serangan ke atas Balai Polis Sikamat Seremban, Negeri Sembilan (10 Disember 1950), Pos Polis Kg. Kemuning, Alor Gajah (10 Disember 1950) (1 anggota maut), Balai Polis Pengerang, Batu Pahat, Johor (21 Mac 1952) (1 anggota maut), Pos Polis Nami, Sik, Kedah (18 Disember 1952) (1 anggota maut), Balai Polis Kea Farm, Cameron Highlands, Pahang telah di serang 100 PKM (20 November 1955) (2 anggota maut), Balai Polis Simpang Pertang, Jelebu, Negeri Sembilan (1976) mengakibatkan satu kematian (Omar, 2015), dan Balai Polis Bukit Yong, Kelantan (23 Mac 1953) (1 anggota maut) (Sulong, 2020). Namun, memandangkan tiada rekod rasmi bertulis diperolehi, maka kajian lanjutan akan dilaksanakan bagi membolehkan maklumat terperinci didapati sebelum didokumentasikan sebagai maklumat rasmi.

Maka, usaha kajian berkala dan berterusan perlu dilaksanakan bagi membantu pihak KDN dan PDRM mengenal pasti sebarang bentuk kelemahan yang boleh wujud samaada dari sudut garis panduan atau senarai keperluan reka bentuk sedia ada bangunan balai polis, atau sebarang kelemahan pada sistem bantuan pemantauan keselamatan fizikal yang sedang diguna pakai oleh pihak PDRM.

## **RUMUSAN DAN CADANGAN**

Dalam konteks kekebalan balai polis sebagai bangunan keselamatan ini juga, reka bentuk bangunan-bangunan balai polis PDRM mesti dinilai, dan ditambah baik dari masa ke masa bagi memastikan ia senantiasa mampu berfungsi sebagai mana keperluan Arahan Keselamatan 2006, iaitu demi kepentingan ketenteraman dan keamanan masyarakat pada setiap masa.

Serangan dan pencerobohan sistem keselamatan balai-balai polis ini sedikit sebanyak menggambarkan bahawa reka bentuk elemen-elemen keselamatan fizikal bangunan-bangunan balai polis sedia ada boleh

dipertikaikan. Namun, kajian yang lebih berhati-hati seharusnya dirangka bagi mengenal pasti punca sebenar boleh berlakunya serangan dan pencerobohan itu - samaada ia berpunca daripada kelemahan reka bentuk, ataupun kelalaian manusia. Maka, kebenaran pihak KDN dan PDRM untuk menganalisa rekod-rekod serangan atau pencerobohan keselamatan balai-balai polis yang lain (tidak dihebahkan) juga diperlukan selain daripada insiden-insiden yang dapat diakses setelah mendapat publisiti meluas orang awam sahaja.

Selain itu, sensitiviti terhadap isu-isu semasa berkaitan ancaman kumpulan pemisah, pelampau, kumpulan jenayah terancang, tindak balas penjenayah, penggodaman, dan lain-lain perilaku merbahaya terhadap pasukan PDRM perlulah diperhatikan, direkod, dan dianalisa bagi mengesan sebarang percubaan pencerobohan.

Dapatan yang lebih mendalam akan dapat (i) membantu pasukan pereka bentuk bangunan keselamatan memahami bagaimana sesebuah bangunan balai polis sepatutnya dihasilkan; (ii) memberikan panduan kepada pihak KDN; dan PDRM (klien) mendokumentasi dengan lebih tepat keperluan reka bentuk bangunan balai polis; (iii) menambah baik pengaplikasian elemen-elemen keselamatan fizikal sesebuah balai polis bagi mengekang ancaman keselamatan terhadap anggota PDRM yang bertugas; dan (iv) membantu mendapatkan anggaran awalan kos pembinaan yang lebih efektif dengan mengambil kira semua keperluan, garis panduan, dan kriteria keperluan reka bentuk balai polis yang telah ditetapkan. Gangguan di dalam kelancaran proses penyediaan sesebuah bangunan bukan semata-mata menambah tempoh masa penyediaan, dan meningkatkan kos (Muhamad & Mohammad, 2018), malah ia turut mampu mengganggu proses penyampaian perkhidmatan keselamatan pihak PDRM kepada masyarakat amnya.

Akhir sekali, dapatan kajian turut menemukan bahawa reka bentuk keseluruhan bangunan balai polis mesti turut mengambil kira faktor-faktor membantu mengurangkan tekanan kerja anggota PDRM itu sendiri. Keseronokan di tempat kerja boleh membantu meningkatkan moral dan kesediaan anggota PDRM berkhidmat melebihi tuntutan hakiki tugas mereka.

## **PENGHARGAAN**

Sekalung penghargaan kepada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan Malaysia yang membenar dan menyokong kerja penyelidikan ini, khususnya Pejabat K.S.U. Kementerian Dalam Negeri, K.P. Kerja Raya, Pengarah Kanan Cawangan Arkitek JKR, Pengarah Cawangan Kerja Keselamatan JKR, Jabatan Perkhidmatan Awam, Pejabat Pengarah Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi (StaRT) Bukit Aman, Ketua-Ketua Polis Daerah (KPD) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang, Johor Bahru Utara, dan Timur Laut Pulau Pinang, Ketua-Ketua Polis Balai (KPB) Balai Polis Aeropolis, Dato' Abu Bakar Baginda, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, Skudai, Taman Ungku Tun Aminah, Taman Universiti, Dato' Keramat, Jalan Patani, dan Batu Ferringi. Terima kasih juga kepada Pejabat Pengurusan dan Kreativiti Penyelidikan, Universiti Sains Malaysia (RCMO-USM), Tuan Iskandar Shah Khalid, Dato' Ar. Dr. Ku Azhar Ku Hassan, dan ASP Barnabas Santanasamy, serta seluruh warga PDRM yang terlibat.

## **PENAJAAN**

The first author was granted a two-year study leave from the JKR. However, no other monetary funding was dedicatedly received in conducting this research project.

## **SUMBANGAN PENULIS**

Zaharin, Z – M.Sc. research student, First author, Nordin, J – Main supervisor / Corresponding author, Mohd Salleh, M. N., and Abdul Samad, M. H. – Co-authors & reviewers.

## **KONFLIK KEPENTINGAN**

There is no conflict of interest was made known to the authors in the publication of this research work.

## RUJUKAN

- Abdul Talib, H. & Jamaludin, K. R. (2003). Aplikasi Teknologi Maklumat (IT) Dalam Pengurusan Organisasi. *Jurnal Teknikal dan Kajian Sosial*. 89- 105. ISSN: 1675-2228.
- Ahmad Termimi, M.A., Rosele, M.I., Meerangani, K.A., Marinsah, S.A., & Ramli, M.A. (2013). Jenayah Siber: Pengelasan Di Antara Al-Jaraim dan Al-Jina'i Menurut Sistem Perundangan Islam. *International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society* (ISLAC, 2013) 539-551.
- Astro Awani. (2017). *Pegawai Polis Ditemui Mati Dengan Kesan Tembakan dan Tetakan di Balai USJ*. Berita Malaysia. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pegawai-polis-ditemui-mati-dengan-kesan-tembakan-dan-tetakan-di-balai-usj-153967>.
- Baker, R. & Ibrahim, H. I. (tahun penerbitan tidak dinyatakan). Tekanan Kerja Dalam Organisasi Kepolisian: Tinjauan Dalam Perspektif Kecerdasan Emosi. *Jurnal Kemanusiaan*. Bilangan 23. ISSN: 1675-1930. Universiti Teknologi Malaysia.
- Banton, M., Whetstone, P., Kelling, T., Walsh, G. L., Francis, W., and Brodeur, J. P. (2020). *Police*. Encyclopedia Britannica. <https://www.britannica.com/topic/police>.
- BERNAMA (2015). *Percaturan Menakutkan Oleh 17 Disyaki Pegganas*. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/11/2015/04/46178/percaturan- menakutkan-oleh-17-disyaki-pegganas>.
- Borian, I. H. (2014). *Hubungan Tekanan Kerja Dengan Prestasi Kerja di Kalangan Personel Cawangan Trafik, Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Iskandar Malaysia, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia, UTM Johor. Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia, Fakulti Pengurusan.
- Cambridge (2022). *Security*. *Cambridge Dictionary*. Cambridge University Press. <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/security>.
- Coaffee, J., & Fussey, P. (2015). *Constructing Resilience Through Security*

*and Surveillance: The Politics, Practices and Tensions of Security-driven Resilience.*

ESSCOM Times (2021). *Latar Belakang ESSCOM*. Eastern Sabah Security Command Portal. News Pro Theme. Genesis Framework. WordPress. [https://esscom.gov.my/?page\\_id=17243](https://esscom.gov.my/?page_id=17243).

Fazlul Haque, E. H. (2021). *Balai Polis Disko Kena Serbu*. MyMetro. Harian Metro, New Straits Times Press (M) Bhd. <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/07/733124/balai-polis-disko-kena-serbu>.

Ishak, A. (2021). *Tangan dan Jari Putus? Kisah Balai Polis Batu Pahat Diserang Pegikut Ajaran Sesat*. Sejarah & Politik. <https://soscili.my/tangan-dan-jari-putus-kisah-balai-polis-batu-pahat-diserang-pengikut-ajaran-sesat/>.

KPKK (2006). *Arahan Keselamatan*. Putrajaya. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.

KPKK (2001). *Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298)*. Putrajaya. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.

Kamus Dewan (2022). *Keselamatan*. Kamus Dewan Edisi Ke-4. Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://prpm.dbp.gov.my/CariI?keyword=keselamatan>.

MAMPU (2021). *Jenayah Siber*. Akta Berkaitan Penipuan Internet. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Putrajaya.

Mat Ruzki, R. (2017). *Polis Ditembak di Badan, Tetak di Kepala di Balai Polis Pinggiran Subang. 31 Ogos 2017*. Terkini. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/08/319910/terkini-polis-ditembak-di-badan-tetak-di-kepala>.

Millie, A. (2012). Police Stations, Architecture and Public Reassurance. *The British Journal of Criminology*.

Muhamad, N. H. & Mohammad, M. F. (2018). Impact of Design Changes in Construction Project. *Malaysian Journal of Sustainable Environment*. 1-18.

- mStar (2021). "Ibu ditembak di dada ketika sarat hamil" - Anak Imbau Keberanian Mahani Kenel Angkat Rifle Serang Komunis di Balai Polis Kuala Krau. *Figura*. [https://www.mstar.com.my/xpose/figura/2021/08/31/ibu-ditembak-di-dada-ketika-sarat-hamil---anak-imbau-keberanian-mahani-kenel-angkat-rifle-serang-komunis-di-balai-polis-kuala-krau#cxrecs\\_s](https://www.mstar.com.my/xpose/figura/2021/08/31/ibu-ditembak-di-dada-ketika-sarat-hamil---anak-imbau-keberanian-mahani-kenel-angkat-rifle-serang-komunis-di-balai-polis-kuala-krau#cxrecs_s).
- mStar (2015). *Zahid Dedah Rancangan Penganas Serang Balai Polis, Kem Tentera*. Semasa. Star Media Group Berhad. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2015/04/06/zahid-dedah-rancangan>.
- NASTRAC (2021). *Dasar Keselamatan Negara 2021-2025*. Pusat Strategi Keselamatan Negara. Majlis Keselamatan Negara. Jabatan Perdana Menteri. 1-121.
- Nasaruddin, M., & Faiz, M. A. (2011). *Polis Lebih Stres Berbanding Guru*. <http://bakasalam.blogspot.com/2011/09/kerjaya-polis-palingtertekan.html>.
- Omar, M. (2015) *Menyingkap Sejarah Silam*. Blog. <http://mirza-mansor.simplesite.com/417584585>.
- Othman, Z., Omar, M. K., Jabar, F. A., & Idris, N. A. (2016). Memelihara Keselamatan Negara Malaysia: Peristiwa Lahad Datu, Sabah.. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (7). 147-159. ISSN 2180-2491.
- Polis DiRaja Malaysia (PDRM) (2016). *Bukit Kepong*. Portal Rasmi Polis DiRaja Malaysia. Urus Setia KPN (Komunikasi Korporat) dengan kerjasama Bahagian Telekomunikasi dan Sistem Maklumat. Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur. <https://www.rmp.gov.my/>.
- Razali, S. N. H. (2017). *Pegawai Polis Ditemui Mati*. MyMetro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/06/234042/pegawai-polis-ditemui-mati>.
- Salleh, Z. (2021). *Perisikan dan Keselamatan Negara*. Kolumnis. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/138031/KOLUMNIS/Perisikan-dan-keselamatan-negara>.

- Sulong, T. (2020). *Tragedi Rumah Pasung Bukit Yong Akan Dibukukan*. Negara. Kosmo. <https://www.kosmo.com.my/2020/11/19/tragedi-rumah-pasung-bukit-yong-akan-dibukukan/>
- Tun Hamzah, T. I. & Khoo, K. H. (Editor). (2011). *Beyond Policing – The Strategic Shift*. MPH Publication. ISBN: 9789675997785 9675997788.
- Unit Perancang Ekonomi (UPE) (2015). *Garis Panduan & Peraturan Bagi Perancangan Bangunan*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Utusan (2001). *Balai Polis Diserang Empat Lelaki Bersenjata Cederakan Dua Lans Koperal di Guar Cempedak Kedah*. Utusan Online. <https://www.utusan.com.my/>
- Zaharin, Z., Nordin, J. & Mohmad Shukri, S. (2019). Added Value to Security Building Design Case Study: Police Station in Malaysia. *The 4th International Conference on Rebuilding Place (ICRP2019)*. European Proceedings of Multidisciplinary Sciences (EpMS). e-ISSN: 2421-826X. 362-373.